

17/12/1997

Arianespace derma PC kepada perpustakaan

SEMPENA kempen kesedaran teknologi maklumat (IT), konsortium angkasa lepas Eropah, Arianespace, menyumbang dua komputer peribadi (PC) dengan kemudahan Internet kepada Perpustakaan Elektronik Langkawi, di Kampung Buku Langkawi, Lubuk Semilang, Langkawi.

Sumbangan dilakukan oleh Pengarah (pejabat wakil Asean) Arianespace, Richard Bowles, kepada Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid, disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemberian kedua Arianespace itu dilakukan sempena Lima '97 dan pelancaran Kampung Buku Langkawi, baru-baru ini.

Pada Lima '95, syarikat itu menyampaikan dua PC multimedia kepada Perpustakaan Langkawi.

Bowles berkata, usaha itu selain menyiapkan masyarakat Malaysia dan negara ini menjadi pusat IT rantau ini, ia membolehkan perpustakaan itu berhubungan dengan kampung buku lain di seluruh dunia.

"Pengunjung ke perpustakaan itu boleh mengakses maklumat dengan pantas selain berkomunikasi dengan kampung buku lain untuk bertukar maklumat," katanya.

Selain itu, perpustakaan elektronik itu melambangkan permulaan perpustakaan tanpa kertas atau tanpa buku di negara ini, kata Bowles.

"Keutamaan dalam kegiatan kemasyarakatan ini ialah sumbangan Arianespace dalam meningkatkan pengetahuan rakyat negara ini mengenai bidang angkasa lepas," katanya.

(END)